

## ANALISIS PERMASALAHAN WANITA BERIHADAT BERKAITAN URUSAN KERJA SEPANJANG TEMPOH BERIHADAT.

MAFFUZA SALLEH, NORITA KAMARUDDIN, ZANARIAH DIMON & NAQIBAH MANSOR

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Selangor (UIS)  
[maffuza@kuis.edu.my](mailto:maffuza@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

Ihdad merupakan tempoh berkabung oleh isteri kematian suami yang telah disyariatkan oleh Islam sebagai tanda menghormati perkahwinan terdahulu. Dalam fiqh usrah terdapat hukum berkaitan ihdad terhadap isteri apabila berlaku kematian suami. Konsep ihdad dalam Islam tertakluk kepada hukum dan batasan yang tertentu dalam tempoh yang ditetapkan. Sepanjang tempoh berihdad, wanita kematian suami perlu menjaga diri daripada melakukan larangan yang ditetapkan sebagai tanda menjaga hak suami dan menzahirkan kesetiaan. Menjalani tempoh ihdad selama empat bulan sepuluh hari bukanlah satu perkara yang mudah. Wanita kematian suami sering berhadapan dengan pelbagai masalah seperti masalah pengurusan emosi, pengurusan keluarga, pengurusan kewangan juga urusan bekerja. Kajian ini akan memfokuskan permasalahan yang dihadapi oleh wanita berihdad berkaitan urusan kerja sepanjang tempoh ihdad. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan mengaplikasi kaedah pengumpulan data dan analisis dokumen serta temu bual bersama lima orang informan yang dirakam dan kemudian dialihkan dalam bentuk tulisan melalui kaedah transkripsi. Transkripsi tersebut dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti versi 8.4.15 bagi membentuk tema daptan kajian. Dapatkan anasis tersebut dikelaskan kepada beberapa tema utama seperti bentuk kepuatan, permasalahan yang dihadapi dan bentuk kebaikan yang diperlukan. Data tersebut dihursti dalam bentuk deskriptif untuk memudahkan pemahaman pembaca. Dapatkan kajian menunjukkan dengan peredaran zaman, permasalahan wanita berihdad berkaitan urusan kerja merangkumi aktiviti keluar makan ketika bekerja, menghadiri keraian yang dianjurkan oleh majikan, bekerja lebih masa dan bekerja di luar kawasan. Diharapkan kajian ini dapat memberi penjelasan berkaitan kewajipan wanita berihdad serta permasalahan yang dihadapi oleh mereka sepanjang tempoh berihdad khususnya berkaitan urusan kerja dan dapat membuka minda masyarakat khususnya majikan untuk membantu dan menyantuni mereka menjalani ihdad dengan sempurna seperti yang disyariatkan.

**Kata Kunci:** Wanita berihdad, permasalahan, pelaksanaan ihdad, urusan kerja.

### PENGENALAN

Ihdad merupakan tempoh berkabung oleh isteri kematian suami yang telah disyariatkan oleh Islam sebagai tanda menghormati perkahwinan terdahulu. Ihdad berasal dari kata kerja bahasa arab **أَحَدٌ** - **إِحْدَادًا** bermaksud penahanan atau keengganan. Selain itu, perkataan hidad berasal dari kata kerja **حَدَّ** - **إِحْدَادًا** juga sering digunakan untuk menjelaskan pengertian yang sama iaitu pakaian yang dipakai oleh seseorang yang sedang berduka cita bagi melambangkan kesedihannya (Ibrahim Anis, Abd at-Halim Muntasir, Atiyyah al-S.a.walihiyy & Muhammad Khalf Allah Ahmad I972), dan pada kebiasaannya ia berwarna hitam (Yusuf Syukri Farahat 2001). Pengertian Ihdad adalah juga disebut dengan hidad berarti mencegah (*imtina'*) dari memakai perhiasan. Dalam kosa kata Arab, ihdad bererti keadaan perempuan yang tidak menghias dirinya sebagai tanda perasaan berkabung atas kematian suaminya atau keluarganya (Ghazali,2000). Menurut tafsiran panduan beriddah bagi wanita yang bercerai atau kematian suami yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 2015 ihdad diertikan sebagai berkabung. Dari segi istilah, ihdad ialah satu penegahan syarak terhadap wanita yang kematian suami daripada sebarang perhiasan diri dan perkara yang seumpama dengannya, yang boleh membawa kepada keinginan seseorang lelaki *ajnabi* untuk melamarnya sebagai isteri dalam tempoh dan keadaan tertentu (Al-Hajawi t.th.;Al-Nawawi 1992; Ibn al-Hummam t' th') ( Syed Husin, 2009).

Dalam fiqh usrah terdapat hukum berkaitan ihdad terhadap isteri apabila berlaku kematian suami. Konsep ihdad dalam Islam tertakluk kepada hukum dan batasan yang tertentu dalam tempoh yang ditetapkan. Sepanjang tempoh berihdad, wanita kematian suami perlu menjaga diri daripada melakukan larangan yang ditetapkan sebagai tanda menjaga hak suami dan menzahirkan kesetiaan. Menjalani tempoh ihdad selama empat bulan sepuluh hari bukanlah satu perkara yang mudah. Wanita kematian suami sering berhadapan dengan pelbagai masalah seperti masalah pengurusan emosi, pengurusan keluarga, pengurusan kewangan juga urusan kerja. Kajian ini akan membincangkan permasalahan yang dihadapi oleh wanita kematian suami sepanjang tempoh pelaksanaan ihdad khususnya permasalahan berkaitan urusan kerja.

## METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasi kaedah penyelidikan kualitatif dalam bentuk kajian kes. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual separa struktur bersama lima orang informan. Instrumen pengumpulan data yang digunakan adalah soalan yang telah mendapat pengesahan pakar bidang. Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu lima orang wanita kematian suami telah dipilih sebagai informan kajian. Penyelidik memilih kaedah persampelan bertujuan kerana menurut Kamal Azmi et al. (2015), kaedah persampelan ini sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat yang mendalam dan subjek yang biasanya dipilih berdasarkan tujuan yang ada kaitan dengan kajian. Kriteria inklusif yang telah ditetapkan bagi pemilihan sampel ialah: i) wanita yang kematian suami ii) tempoh kematian suami telah melebihi satu tahun, iii) wanita yang bekerja. Kriteria-kriteria ini ditetapkan untuk mendapat gambaran sebenar mengenai kepatuhan dan permasalahan serta kebijakan yang diperlukan sepanjang menjalani tempoh iddah kematian suami.

Bagi menganalisis data kajian ini, data temu bual ini dirakam secara audio dan kemudian dialihkan dalam bentuk tulisan melalui kaedah transkripsi (Ghazali et al. (2016). Transkripsi tersebut kemudian dimasukkan ke dalam perisian ATLAS.ti versi 8.4.15 untuk dianalisis bagi membentuk tema dapatan daripada informan kajian. Seterusnya, setiap tema yang diperoleh dikelaskan kepada tiga tema utama iaitu kepatuhan, permasalahan yang dihadapi dan bentuk kebijakan yang diperlukan. Setelah itu, data tersebut diuraikan dalam bentuk deskriptif untuk memudahkan pemahaman pembaca. Informan yang terlibat dalam temu bual diberikan nama samaran bertujuan memastikan identiti sebenar informan dapat dirahsiakan daripada pengetahuan orang ramai.

## DAPATAN

### Demografi Informan

Jadual 1 di bawah menunjukkan latar belakang demografi lima orang informan yang terlibat dalam kajian ini. Informan yang terlibat berusia antara 32 hingga 47 tahun dan mereka merupakan isteri yang telah kematian suami dalam tempoh 1 hingga 3 tahun. Kesemua informan merupakan wanita bekerja dan mempunyai anak. Hanya informan 4 tidak mempunyai anak.


Informan	Umur	Pekerjaan	Bilangan anak	Tempoh kematian suami	Sebab Kematian Suami
Informan 1 (Puan Ain)	47	Penyampai Radio	5	1 tahun	COVID-19
Informan 2 (Puan Siti)	44	Pekerja Kerajaan	4	1 tahun	COVID-19
Informan 3 (Puan Aminah)	46	Penolong Pendaftar	4	3 tahun	Sakit
Informan 4 (Puan Laila)	32	Guru KAFA	Tiada	3 tahun	Kemalangan motorsikal
Informan 5 (Puan Sakinah)	46	Tukang Urut	4	2 tahun	Sakit

Jadual 1: Demografi Informan

### Analisis Tema Permasalahan Wanita Kematian Suami Sepanjang Tempoh Berihdad

Rajah 1 menunjukkan dapatan kajian mengenai permasalahan yang dihadapi oleh isteri kematian suami dalam tempoh berihdad dikategorikan kepada lima permasalahan yang dikenalpasti iaitu pengurusan kewangan, pengurusan harta pusaka, pengurusan fizikal dan emosi, permasalahan hubungan dengan keluarga sendiri, keluarga suami, majikan, rakan sekerja, jiran tetangga dan masyarakat dan terakhir, permasalahan berkaitan urusan kerja.

Perbincangan kajian ini hanya akan memfokuskan kepada permasalahan berkaitan urusan kerja sepanjang tempoh berihdad sahaja. Iaitu berkaitan permasalahan keluar makan di luar pada hari bekerja, bekerja di luar kawasan (*out station*), menghadiri keraian yang dianjurkan oleh majikan atau rakan sekerja dan bekerja lebih masa melepas masa kerja yang ditetapkan oleh majikan.



### **Keluar Makan di luar pada Hari Bekerja**

Berkaitan keluar makan pada hari bekerja. Berdasarkan kenyataan yang dibuat oleh informan, hanya seorang sahaja informan yang mengakui beliau keluar makan ketika waktunya bekerja dalam tempoh iddah. Puan Ain “Ada...ada...” (33637:33649), “kalau pergi kerja tu, macam kalau kawan-kawan saya terpaksa ikut kalau macam pergi kedai makan kan... sebab dekat office tu mana ada kedai makan kan... So pergi kedai makan tu je lah...” (5013:5200). Manakala informan lain tidak keluar makan ketika bekerja. Puan Siti “Tak ada... Tak keluar pun... Bawa bekal... Makan kat bilik je...” (29797:29860). Puan Aminah “Kebetulan masa tu memang tak ada...” (23347:23383). Puan Laila “Keluar makan tak ada...” (19752:19774). Puan Sakinah “Memang saya jenis yang jarang makan dekat kedai” (5853:5900).

### **Urusan kerja di Luar Kawasan (Out Station)**

Berkaitan urusan kerja di luar kawasan pula, hanya seorang sahaja informan iaitu Puan Aminah mengakui beliau terpaksa bekerja *outstation* dua minggu sebelum tamat tempoh iddah. Puan Aminah “Outstation tu dah di hujung iddah tu... Ofis buat retreat... So masa tu saya dah memang bagitahu saya tak boleh join... Tapi bos kata tak apa kak... Dah hujung-hujung dah... Akak pun dah okey kan... Dia cakap kan... Kita pergi situ kita meeting-meeting... esok tu kita balik... Dia cakap macam tu kan...” (25219:25524), “So join lah... Masa tu lagi dua minggu lagi kot nak habis iddah...” (25752:25817).

Manakala informan lain tidak keluar *outstation* walaupun mereka diperlukan untuk kerja di luar kawasan. Mereka meminta bantuan rakan sekerja untuk menggantikan mereka dan memaklumkan kepada majikan untuk tidak menghantar mereka kerja di luar. Puan Siti “Dalam tempoh iddah? Tak ada... Tak ada... Sebab minta dekat bos tunggu habis iddah boleh tak hantar saya outstation macam tu... Tapi pergi kerja lah... Tetap pergi office lah...” (29530:29706). Puan Laila “Cuma masa tu memang saya ada program kena settlekan dekat Tanjung Karang tapi saya pas pada guru yang lain lah sebab saya tak boleh keluar macam tu kan, macam kerja setakat saya pergi sekolah je... Jauh-jauh saya tak” (19776:19991). Puan Ain “Oh tak ada tak ada...” (33708:33730). Puan Sakinah “Sebab sebelum-sebelum tu pun memang buat kerja mengurut tu memang jauh-jauh.... Sebab sebelum tu waktu tu ada kakak ipar yang jaga anak-anak tu yang saya pergi kerja luar.” (6409:6579).

### **Keraian Tempat Kerja**

Berkaitan menghadiri keraian tempat kerja, hanya seorang sahaja informan yang memberikan jawapan, Puan Ain “Macam majlis-majlis apa semua... saya tak pergilah even kalau office ada buat majlis pun saya tak pergi...” (5292:5398).

### **Kerja Lebih Masa.**

Dapatan kajian menunjukkan kesemua informan tidak bekerja lebih masa ketika tempoh ihdad. Puan Ain “Tak ada...” (33788:33798), Puan Siti “Biasanya keluar rumah pukul 7... Kalau sampai pukul 8, pukul 5 lah balik... Macam tu... Asalkan cukup 9 jam kan... Tapi paling lewat pukul 9 lah... Kalau pukul 9 sampai, pukul 6 balik... Macam tu.” (31375:31570), Puan Laila “6:30 sampai

*rumah lah pukul 6 balik*" (20140:20176), Puan Sakinah "Dalam tempoh idhad malam tak, siang je" (41488:41525).

## PERBINCANGAN

Wanita yang kematian suami sering berhadapan dengan pelbagai masalah dalam melaksanakan kewajipan dan batasan berihdad dalam situasi masyarakat masa kini. Tuntutan dan larangan dalam tempoh idhad sering mendapat reaksi negatif dari sebahagian masyarakat. Ada wanita yang menganggap, penetapan beberapa hukum tertentu bagi wanita yang kematian suami tidak relevan untuk dipraktikkan pada zaman kini. Kajian yang dijalankan oleh Syh Noorul Madihah (2007) menyatakan bahawa 13.1% dari keseluruhan responden telah menyatakan wanita zaman moden hari ini tidak sesuai lagi untuk berkabung atas kematian suaminya dan 23.1% memberi reaksi agak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Menurut beliau, walaupun jumlah peratus tidaklah tinggi, namun ia mengundang persepsi negatif terhadap tuntutan syarak kerana penyataan seperti itu tidak sewajarnya berlaku dalam kalangan masyarakat yang beragama Islam (Syh Noorul Madihah & Raihanah, 2010).

Kewajipan melaksanakan tuntutan idhad dipandang ringan berkemungkinan atas dua sebab iaitu; pertama tidak mempunyai ilmu pengetahuan tentang hukum idhad dan hal-hal yang dilarang ketika dalam tempoh idhad. Manakala sebab kedua adalah dari persepsi masyarakat yang mengambil ringan isu idhad dan ihdad seseorang isteri yang ditinggal mati oleh suami. Masyarakat memandang remeh dan tidak menganggap bersolek, bergaul dengan lelaki ajnabi, keluar rumah tanpa tujuan yang munasabah dan lain-lain sebagai perkara yang dilarang, sehingga hal ini menjadi perkara biasa (Arsjad & Barakah, 2017).

Faktor seterusnya adalah, terdapat juga keadaan wanita *mu'taddah* ini mengetahui hukum dan tuntutan idhad, namun tidak melaksanakannya disebabkan kebiasaan yang telah menjadi budaya dalam kalangan masyarakat setempat. Menurut Arsjad & Barakah (2017) ada juga dalam kalangan mereka melaksanakan tempoh idhad dengan sempurna, namun kewajipan dan larangan ihdad seperti berhias, memakai wangи-wangian tidak dilaksanakan. Kebanyakan daripada mereka ini, melakukan idhad mengikut aturan budaya bukan mengikut aturan hukum Islam. Mereka tidak faham tentang kewajipan tuntutan ihdad dalam tempoh idhad. Mereka menganggap tuntutan ihdad tidak ada kaitan dengan idhad isteri yang kematian suami (Arsjad & Barakah, 2017).

Isu mengamalkan idhad dan ihdad dalam kalangan masyarakat ini adalah disebabkan pemahaman mereka yang sangat minimum terhadap hukum-hukum tersebut. Punca kejahanan mereka adalah kerana kurangnya ilmu pengetahuan dan kefahaman mereka terhadap syariat Islam itu sendiri khususnya dari segi konsep hukum idhad dan ihdad kerana terkesan dengan kebiasaan masyarakat yang tidak menjalankan hukum syarak dengan sebaiknya (Hidayati, 2019).

Dewasa kini, isu wanita bekerjaya sering dipersoalkan. Wanita bekerjaya yang aktif di luar rumah dianggap melanggar adat masyarakat dan hukum Islam, sehingga ada di antara mereka dipulaukan (Khoiri & Arsyahul, 2020). Seperti kita sedia maklum, ramai wanita mempunyai pekerjaan dan pendapatan sendiri sekalipun mempunyai suami yang mampu menampung perbelanjaan isi rumah. Kita boleh lihat ramai wanita bekerja di pelbagai bidang (Khoiri & Arsyahul, 2020). Namun, ia menjadi isu apabila wanita tersebut diuji dengan kematian suami. Golongan wanita ini sering menghadapi dilema dengan larangan tidak boleh keluar rumah dan

berhias. Sedangkan wanita tersebut perlu mencari nafkah untuk anak-anaknya dengan bekerja di luar rumah (Muslimin, 2017).

Bagi wanita yang bekerjaya, tuntutan iddah dan ihdadnya adalah sama dengan wanita yang lain. Mereka perlu sehabis baik melaksanakan hukum iddah dan ihdad seperti yang ditetapkan syarak. Namun, jika tuntutan ihdad itu memberi kemudarat pada kerjayanya, seperti diberhentikan atau sebagainya, wanita tersebut diberi kelonggaran namun masih perlu memelihara dan menjaga dirinya agar tidak menimbulkan fitnah ataupun perkara-perkara negatif (Khoiri & Arsyahul, 2020; Nurdin, 2021; Susilo, 2016).

Wahbah al-Zuhaili dalam kitabnya *Fiqh Islam wa Adillatuhu* mengatakan:  
وَيُجُوزُ لِلْمَرْأَةِ فَعْلُ شَيْءٍ مَا سُبِقَ بِالْحُرُورَةِ؛ لِأَنَّ الْحُرُورَاتِ تَبْيَحُ الْمُحَظُورَاتِ.

Bermaksud: “Dibolehkan bagi wanita melakukan sesuatu yang dilarang kerana darurat, sebab darurat itu membolehkan yang terlarang (*mahdhurat*)”.

Meskipun begitu, bagi wanita yang kerjayanya memerlukan dirinya berhias dan bersolek untuk tampak kemas seperti jurujual, pramugari, penyanyi, penari dan lain-lain, mereka perlu berusaha untuk berhias dan bersolek secara sederhana dan tidak berlebihan (Khoiri & Arsyahul, 2020; Nurdin, 2021; Susilo, 2016).

Menurut Na'imatur Rizkiyah (2020) dalam kajiannya menyatakan pelaksanaan ihdad seperti larangan bersolek kurang relevan pada masa kini. Jika larangan tersebut untuk mengelak berlakunya fitnah, maka wanita bekerjaya itu perlu menyesuaikan keadaannya mengikut tempat dan keadaan persekitaran tanpa mengetepikan hukum syarak. Cukup dengan hanya bersahaja dan tidak bertujuan untuk menunjuk-nunjuk atau untuk mendapat pujian lelaki ajnabi supaya tidak timbul fitnah dalam kalangan masyarakat (Khoiri & Arsyahul, 2020).

Justeru, sebahagian besar ulama telah memberi kelonggaran kepada wanita yang kematian suami untuk keluar rumah dalam keadaan tertentu dan berkeperluan. Antara contoh selain keluar bekerja, mereka juga perlu menguruskan hal rumah tangga termasuk urusan luar rumah (Syh Noorul Madihah & Raihanah, 2010).

Dari sudut pandangan lain, keluar rumah untuk bekerja dan melakukan aktiviti yang menyibukkan diri, membolehkan wanita yang kematian suami ini menghiburkan diri untuk berjumpa dengan rakan sekerja. Sekurang-kurangnya, mereka tidak hidup dalam kesedihan dan kemurungan setelah kematian suami kerana ada rakan-rakan yang boleh mendengar luahan mereka serta tekanan emosi yang dialami (Khoiri & Arsyahul, 2020).

Namun perlu diingatkan, keharusan untuk keluar rumah ini hanya dibenarkan pada waktu siang sahaja. Wanita yang kematian suami tidak dibenarkan untuk keluar rumah pada waktu malam. Namun, kelonggaran keluar pada waktu malam ini diberikan kepada golongan wanita seperti doktor, jururawat dan lain-lain (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015). Selain itu, mereka juga dibenarkan untuk keluar dari rumah sekiranya berada dalam keadaan darurat seperti kediaman yang mereka duduki tidak selamat atau tidak mempunyai duit untuk membayar sewa rumah setelah kematian suami (Arsjad & Barakah, 2017).

Kerajaan Malaysia telah mengumumkan wanita yang kematian suami dibenarkan bekerja dari rumah dalam tempoh bersesuaian. Menurut Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam pelancaran Sambutan Hari Wanita 2022 Peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen Kuala

Lumpur, beliau berkata majikan wajib membenarkan isteri kematian suami bekerja dari rumah. Beliau turut menyatakan keprihatinan kerajaan dalam memahami kesedihan dan bebanan yang ditanggung oleh golongan wanita yang kematian suami ini. Oleh itu, ketua jabatan dan pengurusan tertinggi semua organisasi diwajibkan untuk membenarkan golongan ini bekerja dari rumah. Hal ini untuk memudahkan urusan keluarga dan urusan harta peninggalan suami (Bernama, 2022).

Manfaat cuti bergaji sebulan juga turut diperuntukkan kepada wanita yang kematian suami oleh Kerajaan Negeri Selangor. Namun, berdasarkan semakan rekod kemudahan cuti, tiada sebarang permohonan secara rasmi diterima oleh Jabatan mahupun Agensi yang dibuat oleh wanita yang kematian suami. Kemudahan ini hakikatnya diberikan bersekali dengan cuti bersalin 90 hari dan cuti isteri bersalin 14 hari. Permohonan dua jenis cuti ini lebih memberangsangkan berbanding permohonan cuti kematian suami. Secara dasar, semua pekerja atau kakitangan awam diberikan kemudahan cuti selama tiga hari secara automatik sekiranya mereka mengalami situasi kematian ahli keluarga. Namun, bagi wanita yang kematian suami mereka diberikan cuti bergaji selama sebulan. Hal ini secara tidak langsung sebagai inisiatif untuk meringankan beban dan memberi peluang kepada golongan ini untuk membuat persediaan mental dan fizikal apabila kembali semula bekerja (Dewan Negeri Selangor, 2013).

## KESIMPULAN

Kajian merumuskan bahawa waktu bekerja bagi isteri yang kematian suami adalah sama seperti pekerja-pekerja yang lain. Mereka perlu bekerja mengikut waktu yang telah ditetapkan oleh pihak majikan. Walau bagaimanapun, terdapat majikan yang memberi pelepasan kepada mereka daripada menghadiri program di luar waktu pejabat atau urusan kerja di luar kawasan (*out station*) sepanjang tempoh berihdad. Ini menunjukkan majikan memahami keperluan dan menjaga kebijakan mereka dalam melalui tempoh getir tersebut.

Walau bagaimanapun, dengan berlakunya peredaran masa dan zaman, wanita yang berada dalam tempoh ihdad sering berhadapan dengan pelbagai persoalan yang memerlukan penjelasan terperinci khususnya dalam hal yang melibatkan batas hukum dan adab bagi seorang wanita beriddah dan berihdad. Tambahan pula, dengan tuntutan kerjaya, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi hari ini, ia turut memberi impak dan cabaran terhadap cara dan gaya hidup masyarakat. Dibimbangi, sekiranya tidak dibimbing dan dipandu dengan sebaiknya, masyarakat Islam khususnya dalam kalangan wanita tidak dapat memahami dan menghayati konsep ihdad yang sebenar seperti yang dituntut oleh Islam, bahkan menganggapnya sebagai perkara remeh dan menyusahkan. Peranan majikan dan masyarakat juga amat penting dalam memastikan kewajipan dan kebijakan isteri yang kematian suami ini dapat dilunaskan secara berterusan bagi mengelakkan sebarang mudarat dari aspek emosi, mental dan keperluan fizikal sepanjang tempoh tersebut. Namun, jika tuntutan ihdad itu memberi kemudarat pada kerjayanya, seperti diberhentikan atau sebagainya, wanita tersebut diberi kelonggaran namun masih perlu memelihara dan menjaga dirinya agar tidak menimbulkan fitnah ataupun perkara-perkara negatif .

Melaksanakan kewajipan berihdad dengan sempurna bukan hanya menjadi kewajipan ke atas wanita kematian suami malah ia juga turut menjadi kewajipan semua ahli masyarakat khususnya majikan,rakan sekerja dan ahli keluarga. Oleh itu, pendedahan dan pendidikan berkaitan ihdad ini hendaklah dilakukan secara berterusan kepada semua lapisan masyarakat bagi menjamin tercapainya maqasid pensyariatan ihdad ini.

## PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan Geran Penyelidikan dan Inovasi (GPIK 2021), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Pusat Penyelidikan Dan Inovasi KUIS (RIMC) dalam meluluskan kajian ini.

## RUJUKAN

- Arsjad, R., & Barakah, A. (2017). Iddah Wafat, Antara Agama Dan Budaya. *Jurnal Lentera: Kajian Keagamaan, Keilmuan Dan Teknologi*, 3(1), 123–124. Retrieved from <http://moraref.or.id/record/view/46678%0Ahttp://ejournal.staimnglawak.ac.id/index.php/lentera>
- Bernama (2022, Mac 09). Majikan wajib benarkan isteri kematian suami kerja dari rumah – Ismail Sabri. <https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2059801>
- Dewan Negeri Selangor. (2013). Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Tahun 2013: 85) Cuti Bergaji Sebulan Kepada Wanita Kematian Suami. *Portal Rasmi: Dewan Negeri Selangor*. <http://dewan.selangor.gov.my/question/cuti-bergaji-sebulan-kepada-wanita-kematian-suami/>
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hidayati, N. F. (2019). Konstruksi ‘iddah dan Ihdad dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI). *MISYKAT: Jurnal Ilmu-Ilmu Al-Quran, Hadist, Syari’ah Dan Tarbiyah*, 4(1), 163. <https://doi.org/10.33511/misykat.v4n1.163-189>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2015, Disember 02). Garis Panduan Ber’iddah Bagi Wanita Yang Bercerai Atau Kematian Suami. *Portal Rasmi: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*. <https://www.islam.gov.my/en/guideline/479-garis-panduan-ber-iddah-bagi-wanita-yang-bercerai-atau-kematian-suami>
- Kamal Azmi Abd. Rahman et al. 2015. *Kaedah Penyelidikan: Asas-Asas Penyelidikan Islam*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
- Khoiri, A., & Arsyahul, M. (2020). Iddah Dan Ihdad Bagi Wanita Karir Presfektif Hukum Islam. *Jil: Journal Of Islamic Law*, 1(2), 275–297. <https://doi.org/10.24260/jil.v1i2.71>
- Muslimin, A. (2017). Iddah dan Ihdad Wanita Modern. *Mahkamah*, 2(2), 218–234.
- Na’imatur Rizkiyah, N. (2020). Representasi Hadis Ihdad No. 2301: Kajian Kitab ’Awn Al-Ma’bud Syarh Sunan Abu Dawud Karya Muhammas Syamsul Haq Al-Azim. *Diya’ Al-Afskar*, 8(2301), 281–294.
- Nurdin. (2021). Persoalan Iddah dan Ihdad Bagi Wanita Karir. *Tadabbur: Jurnal Peradaban Islam*, 3(2), 301–315. <https://doi.org/10.22373/tadabbur.v3i2.206>
- Susilo, E. (2016). ‘Iddah Dan Ihdad Bagi Wanita Karir. Al-Hukama’, 6(2), 275–297. <https://doi.org/10.15642/alhukama.2016.6.2.275-297>
- Syh Noorul Madihah, S. H., & Raihanah, A. (2010). Pendekatan Islam dalam memelihara maslahah wanita selepas kematian suami. *Jurnal Syariah*, 18(3), 479–506. Retrieved from [http://apium.um.edu.my/journals/jurnal\\_syariah/About\\_Syariah.php](http://apium.um.edu.my/journals/jurnal_syariah/About_Syariah.php)
- Temubual bersama Informan 1 pada 7 Julai 2022 di Starbuck Bangi Avenue, jam 5 petang
- Temubual bersama Informan 2 pada 14 Julai 2022 di Starbuck Bangi Avenue, jam 5 petang
- Temubual bersama Informan 3 pada 15 Julai 2022 di Richiamo Bandar Seri Putra, jam 11.00 pagi

Temubual bersama Informan 4 pada 4 Ogos 2022 secara atas talian aplikasi Google Meet, jam 11 pagi

Temubual bersama Informan 5 pada 10 Ogos 2022 di Saha Coffee Bandar Seri Putra, jam 12.00 tengahari

Wahbah Al-Zuhaili.1989. *Fiqh Islami wa Adillatahu*. Dar al-Fikr: Damsyik